JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Tender adalah dibukakan kepada semua Kontraktor yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:

   a) Sijil Pendaftaran Perniagaan yang masih sahlaku dan berdaftar dengan Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (**Kelas II dan III**).

   b) Pemborong yang berjaya hendaklah menyertakan Borang Bank (EFT), Vendor Form, Bank Statement of Account, 'Business Names ACT (Section 16) & Certificate of registration (Section17).

   c) Sijil Pembina *Builder's License* menurut Seksyen 43 Perintah Kawalan Bangunan, 2014 (Building Control Order, 2014) yang menghendaki mana-mana syarikat yang menjalankan aktiviti pembinaan hendaklah mendapatkan Lesen Pembina.

   d) Kontraktor dan pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai lesen pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan dalam Kategori Perkhidmatan [E & P] iaitu P01, P05, E01, E03 dan KPME02

2. Pemborong/pembekalan barangan bercukai termasuklah kenderaan adalah dinasihatkan menyatakan bahawa harga tawaran hendaklah termasuk **CUKAI** atau/dan duit eksais kastam (merujuk Surat Keliling Kastam bil:16/1993)

3. Tender-Tender hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan/pembekal/pemborong *(sealed)*, ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen Tender.

Tajuk tawaran
Term contract for three (03) years for maintenance of Generator Sets at Brunei International Airport
(Kelas II dan III)
JPA/AME/2020-2023/05

Tarikh iklan/ mengambil dokumen tawaran	**:**	**Bermula 18 Julai 2020 Selama 05 minggu**	**Hari Sabtu**
Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran	**:**	**Tidak lewat jam 2.00 petang 31 Ogos 2020**	**Hari Isnin**
Tarikh tutup tawaran	**:**	**Hingga jam 2.00 petang 01 September 2020**	**Hari Selasa**

Kepada:
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Tingkat 4, Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910,
Negara Brunei Darussalam

4. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi **tidak lewat jam 2.00 petang, pada Hari Selasa, 01 September 2020.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman **website** **http://www.civil-aviation.gov.bn**

6. Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki memperolehi dokuman-dokumen dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam dengan **membayar Yuran Tawaran sebanyak BND$50.00 - tidak dikembalikan dan Yuran e-Dokumen sebanyak BND$5.00** bagi setiap tawaran dan pembayaran tawaran diterima pada waktu bekerja seperti berikut:

Hari Isnin hingga Khamis
8.30 pagi – 11.00 pagi
dan
2.00 petang hingga 3.00 petang

Hari Sabtu
8.30 pagi – 10.30 pagi

7. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

9. Sesi taklimat tawaran ***(briefing)*** seterusnya lawatan ke tapak ***(site visit)*** bagi tawaran akan diadakan seperti berikut:

Pada	:	**17 Ogos 2020 (hari Isnin)**
Jam	:	**09.00 pagi**
Tempat berkumpul	:	**Dewan Serbaguna, Bangunan Kejuruteraan dan Pemeliharaan Aset (AME), Jabatan Penerbangan Awam, Negara Brunei Darussalam.**